



Dewan Rakyat lulus RUU Insolvensi (Pindaan) 2023

Oleh Latifah Arifin - Mei 24, 2023 @ 5:01pm
latifah@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Insolvensi (Pindaan) 2023 dengan lebih suara bersetuju selepas dibahas 18 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.

Terdahulu, ketika menggulung perbincangan RUU berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman memperbetulkan persepsi masyarakat yang sebelum ini mengaitkan ramai orang muda diisytiharkan muflis.

Memperincikan mengenai perkara itu, katanya, bagi 2019 hingga 2023, individu dalam lingkungan 35 hingga 44 tahun yang paling ramai diisytiharkan bankrap iaitu seramai 13,073 orang.

"Orang banyak kata orang muda yang (ramai) muflis. Sebenarnya tidak (besar) sangat (jumlahnya). Individu bankrap bawah umur 25 tahun hanya 107 orang.

"Sementara itu, bagi individu bankrap yang berumur 55 tahun ke atas pula tidak begitu tinggi iaitu 5,297 orang," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Azalina turut mendedahkan perangkaan Jabatan Insolvensi Malaysia, dari segi jantina bahawa lelaki lebih ramai diisytiharkan bankrap.

"Kita perlu beri penekanan kepada elemen jantina juga. Orang lelaki lebih banyak bankrap daripada perempuan. Dari 2019 hingga 2023, lelaki yang bankrap, 25,104 orang, manakala perempuan, 8,912 orang," katanya.

Beliau turut mengakui ucapan Tan Sri Muhyiddin Yassin (PN-Pagoh) dalam perbincangan adalah tepat, iaitu orang Melayu paling ramai diisytiharkan bankrap.

"Apa yang Ahli Parlimen Pagoh katakan tadi bahawa orang Melayu ramai yang bankrap, memang betul. Pada 2019 hingga 2023, jumlah orang Melayu yang bankrap adalah 19,791 orang

"Itu sebabnya kerajaan nak bantu individu bankrap. Usaha yang pertama adalah peningkatan had muflis daripada RM50,000 kepada RM100,000. Dulu mula-mula RM30,000.

"Kalau (masih kekal) RM30,000, saya percaya dan yakin jumlah yang disebut lebih banyak," katanya.

Terdahulu, Muhyiddin ketika perbincangan bagi RUU berkenaan berkata, orang Melayu mencatatkan kes bankrap tertinggi, sebanyak 58.28 peratus, diikuti Cina dengan 29.46 peratus, India (7.91) dan lain-lain (8.67).

Azalina ketika menjawab soalan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor) yang bertanya sejauh mana usaha Kerajaan Madani bukan sahaja bagi mengurangkan jumlah individu muflis, tetapi memastikan ia bersifat ehsan bukan sahaja kepada penghutang tetapi turut memberi keadilan kepada pemiutang.

"Saya bersetuju bahawa pemiutang itu lebih-lebih lagi jika mereka adalah individu (orang perseorangan), itu lebih kasihan. Dalam perkara ini, kita lihat, lebih elok untuk wujudkan 'balancing act' (akta yang seimbang) supaya dalam proses pelepasan itu, kita boleh mendapatkan satu pembayaran balik yang lebih adil kepada kedua-dua pihak.

"Dalam masa sama, kalau kita nak jadi penjamin, jangan buta-buta jadi penjamin, perlu baca (dokumen), tidaklah tandatangani segala (dokumen). Kesedaran ini perlu ada. Sebagaimana elemen ehsan disebut YB Kuala Selangor, ehsan itu bukan sahaja dari segi sifat kerajaan berdepan dengan mereka yang berhutang atau kerajaan berdepan dengan mereka yang jadi pemiutang.

"Tapi pendidikan, tanggungjawab dan amanah. Kalau kita hutang kita bayar. Ini juga yang ditekankan kerajaan Madani hari ini," katanya.

Memperincikan komitmen kerajaan dalam membantu rakyat dalam menyelesaikan masalah insolvensi, beliau berkata, setakat 30 April lalu, Jabatan Insolvensi melepaskan 4,228 kes bankrap dalam skala kecil melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi.

"Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Belanjawan 2023 berkata, akan membantu golongan sasaran dalam skala kecil. Jadi kerajaan beresponsif susulan ucapan itu supaya hutang kecil dilepaskan," katanya.